

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]**

**TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 95**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memudahkan golongan belia khususnya di Sarawak yang mempunyai tanah NCR tidak bergeran tetapi berminat untuk terlibat dalam pertanian secara komersial.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha kerajaan dalam memudahkan golongan belia Sarawak terlibat dalam pertanian secara komersial adalah melalui:

1. **Pemberian Insentif dalam bentuk input pertanian** seperti benih, baja dan racun serta pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur asas. Selain itu perkhidmatan analisis kesuburan tanah, kesesuaian tanaman, kandungan logam berat, kualiti air dan sisa baki racun turut disediakan bagi membantu petani merancang, mengurus dan mengeluarkan produk tanaman secara mapan dan selamat di makan. Antara projek-projek yang digalakkan adalah Program Pembangunan Industri Kelapa, Tanaman Sayuran Dan Kontan, Ternakan dan Perikanan, Herba dan Cendawan.

2. **Penerapan Amalan Pertanian Baik seperti myGAP dan myOrganic** di sepanjang rantai nilai bagi semua sektor pengeluaran

bagi menjamin peningkatan produktiviti hasil daripada sistem pengurusan ladang yang lebih sistematik.

3. **Menyediakan Program Latihan Kemahiran Pertanian** dalam aspek meningkatkan kecekapan produktiviti, kawalan penyakit selain memperkasakan kemahiran golongan petani belia melalui kemahiran dalam aktiviti penanaman, pembajaan dan pengendalian lepas tuai.

4. **Memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi dalam bidang pertanian** untuk mempelajari teknik-teknik pertanian dan aplikasi teknologi moden yang lebih mudah dan menjimatkan masa ditambah pula dengan pengenalan baka dan benih bermutu yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat menambahkan minat dan kecenderungan golongan belia untuk menceburi sektor pertanian. Sebagai contoh, tanaman cili secara fertigasi di jangka menyumbangkan pendapatan sebanyak RM165,000 semusim dengan keluasan 5 ekar.

5. Penyediaan Program Ladang Kontrak serta Program Pengukuhan Bekalan Ladang kontrak MOA ke Pasaran (KUKUH) bagi **jaminan pasaran** untuk menambah pendapatan.

6. **Mempergiatkan pembangunan usahawan IAT** di bawah Program Geran Pepadanan, Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembangunan Modal Insan serta Pembangunan dan Penjenamaan Produk sehingga kini seramai 16,512 usahawan telah terlibat.

7. Meyedia dan melaksanakan **Program Agropreneur Muda** dengan pendekatan konsep kreativiti dan inovasi serta teknologi yang berupaya meningkatkan produktiviti hasil tani sekaligus menjana pendapatan kepada Agropreneur Muda. Sehingga Ogos 2018, sebanyak 21,768 belia telah terlibat dalam program ini.

Walau bagaimanapun dalam usaha Kerajaan menggalakan penglibatan golongan belia yang mempunyai tanah NCR tidak bergeran ini perlu dipastikan terlebih dahulu status tanah tersebut bagi memastikan tiada isu yang timbul melibatkan **perebutan sempadan dan hak milikan** setelah aktiviti pertanian dilaksanakan di atas tanah tersebut. Sekian, terima kasih.